

Sindiket dipercayai menyewa rumah itu sejak dua bulan lalu

Oleh NIK AMIRULMUMIN
NIK MIN
KUANTAN

Sekumpulan warga asing didapati menyewa sebuah rumah digunakan sebagai stor simpanan rokok tidak bercukai bernilai lebih RM1.6 juta.

Kegiatan haram itu terbongkar hasil serbuan sepasukan anggota penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kira-kira jam 10.30 pagi di Indera Mahkota 21, di sini, Ahad lalu.

Pengarah JKDM Pahang, Mohd Asri Seman berkata, hasil pemeriksaan menemui sejumlah kotak berisi 1.58 juta batang rokok pelbagai jenama dianggarkan bernilai RM261,758 manakala nilai cukai melebihi RM1.36 juta.



Menurutnya, tiada penghuni berada di dalam rumah ketika serbuan, namun siasatan awal mendapati kediaman dihuni beberapa individu dipercayai warga asing.

"Sindiket ini dipercayai menyewa rumah tersebut sejak dua bulan lalu sebagai stor penyimpanan dan juga tempat tinggal.

"Rokok tidak bercukai dirampas disyaki untuk pasaran sekitar daerah ini termasuk dijual kepada pelanggan dalam kalangan warga asing," katanya ketika sidang akhbar pada Selasa.

Mohd Asri berkata, siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengenal pasti dalang sebenar sindiket pengedaran rokok se-

ludup berkenaan.

"Setakat ini, pinak kami sudah mengambil keterangan pemilik rumah bagi membantu siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967," katanya.

Sementara itu, Mohd Asri meminta orang ramai tampil membantu memerangi jenayah penyeludupan khususnya membabitkan dadah, rokok, minuman keras, mercun, kenderaan dan barangan larangan lain.

"Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak terbabit dengan aktiviti tersebut kerana penyeludupan bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada negara dari segi ketirisan hasil, malah turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat," katanya.



Mohd Asri (tiga dari kanan) menunjukkan antara rokok putih tidak bercukai pelbagai jenama dirampas hasil serbuan di sebuah rumah di Indera Mahkota 21, Kuantan.